

UPM cipta perisian simpan data pesakit

Serdang: Sekumpulan doktor dari Fakulti Sains Komputer, Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mencipta perisian khas untuk menyimpan data bagi memudahkan proses diagnosis dilakukan terhadap pesakit jantung kardiotoraks.

Ketua kumpulan itu, Profesor Madya Dr Rahmita Wirza O K Rahmat, berkata penggunaan perisian 'Sistem Bersepadu Untuk Pakar Bedah Jantung' (CASD) itu, membolehkan doktor menilai segala maklumat serta laporan seseorang pesakit sebelum memberi sebarang rawatan sesuai kepada pesakit berkenaan.

Katanya, CASD akan berfungsi sebagai medium mengumpul dan mengemaskini data pesakit untuk dijadikan sebagai data sekunder dan kemudian akan disimpan di dalam satu pangkalan data khas.

Beliau berkata, dengan perisian teratur dan tersusun rapi, ia

memudahkan kerja doktor memberi rawatan kepada pesakit.

"Perisian ini berkonsepkan 3Dimensi (3D). CASD turut akan menggabungkan pengurusan klinikal pesakit secara keseluruhan merangkumi kemasukan wad, bilik pembedahan dan Koronori Unit Rawatan Rapi.

Kerjasama pakar perubatan

"Perisian turut mendapat kerjasama beberapa pakar perubatan. Ini membolehkan kedua-dua bidang ini melaksanakan lebih banyak penyelidikan lebih intensif, seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara," katanya di sini, semalam.

Rahmita berkata, projek yang dibiayai Kementerian Pendidikan serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu dilaksanakan sejak 2006 dan dijangka siap sepenuhnya penghujung tahun ini.

Sehingga kini, katanya, diang-



Rahmita Wirza (tengah) bersama ahli kumpulan beliau menunjukkan piala dan sijil yang dimenangi mereka di UPM, semalam.

[FOTO NURUL SYAZANA ROSE RAZMAN/BH]

garkan kos untuk penyelidikan dan pemrosesan perisian berkenaan membabitkan belanja kira-kira RM500,000.

"Kami membuat keputusan untuk memberi kesinambungan kepada perisian ini dengan meneruskan Fasa 2 dan Fasa 3. Fasa 2 merangkumi penvisualan data sama ada dalam bentuk teks atau multimedia, manakala Fasa 3 untuk menambah teknik pintas bagi

meningkatkan keupayaan diagnosis dan latihan simulasi menggunakan data yang diekstrak dari pangkalan data.

Lapan sub komponen

"Bagi Fasa 1, ia menampilkan lapan sub komponen yang kesemuanya mempunyai fungsi berbeza. Berdasarkan perancangan, setiap sub komponen ini akan dijual pada harga antara

RM10,000 hingga RM50,000 bagi setiap satu dan ia bergantung kepada fungsi," katanya.

Beliau berkata, penggunaan perisian CASD yang meluas ke seluruh hospital akan membantu mengurangkan jumlah pesakit jantung kardiotoraks, selain membolehkan doktor sentiasa memantau keadaan pesakit walaupun berada di luar kawasan hospital.